

11 SEP 1997

Hamid-Islam

ISLAM DISEBAR BUKAN ISLAM, PERBEZAAN MAZHAB ANTARA CABARAN IT

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Maklumat salah mengenai Islam yang disebarkan orang bukan Islam dan maklumat berbeza kerana berlainan mazhab dalam Islam merupakan antara cabaran umat Islam dalam teknologi maklumat (IT), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, hari ini.

Beliau berkata kekeliruan yang mungkin timbul di kalangan umat Islam akibat maklumat tidak tepat dan berbeza itu boleh menimbulkan kacau bilau dalam masyarakat jika tidak dibendung.

"Umat Islam mesti sedar hal ini, umpamanya Internet yang tidak boleh dikawal masuk ke dalam rumah umat Islam. Kerana itulah, kekuatan dalaman, iman dan ketaqwaan menjadi semakin penting di samping keupayaan mereka menguasai IT dan memanfaatkannya bagi pendidikan Islam," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menutup seminar kebangsaan Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan Islam di sini, beliau berkata bagi memperbetulkan maklumat Islam yang salah dalam Internet, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menubuhkan jawatankuasa dengan menggabungkan pelbagai tenaga pakar melalui halaman tempatan Pusat Islam.

Abdul Hamid berkata para pendidik Islam perlu memikirkan cara mereka boleh memanfaatkan IT untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan mendidik generasi muda umat Islam membina kekuatan dalaman menghadapi cabaran IT.

Ketika ditanya mengenai adanya kekeliruan segelintir umat Islam terhadap isu aurat, beliau berkata ketetapan hukum Islam mengenai aurat memang sudah jelas dan tidak perlu diperdebatkan lagi.

Beliau berkata perkara itulah yang disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini dan umat Islam tidak harus keliru mengenainya.

"Perdana Menteri kata jangan bincang perkara itu kerana hukum aurat dan... riba juga...haram hukumnya telah jelas... jangan bincangkannya sehingga tak ada lagi toleransi, sedangkan yang kita nak bincang ialah bagaimana melaksanakannya dengan bijaksana," katanya.

Abdul Hamid berkata dalam pelaksanaan hukum Islam, pendekatan yang diambil kerajaan adalah jelas iaitu secara beransur-ansur.

"Insya-Allah, dengan secara beransur-ansur ini, kita akan berjaya," katanya.

Seminar tiga hari anjuran Jakim dan Maktab Perguruan Islam itu dihadiri kira-kira 100 guru dan pensyarah. -- BERNAMA

MNY NAK